

19 NOV 2000

Rafidah-Terhutang budi

ELAK SIKAP TERHUTANG BUDI DALAM POLITIK, KATA RAFIDAH

PETALING JAYA, 19 Nov (Bernama) -- Ketua Pergerakan Wanita Umno Datuk Seri Rafidah Aziz berkata bahawa sikap terhutang budi kepada pihak-pihak yang dianggap penting bagi kejayaan politik seseorang hendaklah dielakkan.

Beliau berkata sebaliknya, ahli politik harus terhutang budi kepada parti dan memberi sumbangan dalam bentuk khidmat kepada negara dan rakyat.

Rafidah diminta mengulas gesaan Presiden Umno Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kepada anggota parti pada Perhimpunan Agung Khas Umno di sini semalam supaya mengelak daripada amalan rasuah dan politik wang.

Ketika ditemui pemberita selepas melancarkan Hari Keluarga kebangsaan dan Antarabangsa 2000 peringkat negeri di sini, Rafidah berkata setiap anggota Umno yang sayangkan parti harus memastikan bahawa Umno bebas daripada politik wang serta politik terhutang budi.

"Kadang-kadang ada dua pihak, yang meminta dan memberi. kadang-kadang soal balas budi satu cerita. ada orang kata awak dah dapat jawatan kerana parti, sekarang parti minta kena bagi.

"Ataupun kita rasa kita naik kerana sokongan orang tertentu maka kita balas budi. Politik tidak perlu berasas politik balas budi, kerana balas budi ialah dengan berkhidmat, budi bukan dibalas kepada peribadi, budi dibalas kepada negara dan masyarakat.

"Kalau kita benar-benar sayang pada parti, elakkanlah," kata beliau.

Rafidah berkata amalan terbaik ialah menyerahkan kepada anggota parti untuk menentukan siapa yang mereka mahu untuk memimpin parti.

Beliau juga berkata penubuhan Puteri Umno bagi wanita Bumiputera hendaklah dilakukan secara harmoni bersama Wanita Umno kerana kedua-duanya menuju ke arah objektif yang sama.

-- BERNAMA

HBM ES FAZ